

## **Meneroka Strategi Daya Tahan Dalam Kalangan Bapa Tunggal : Kajian Kes Di Selangor**

### ***Exploring the Resilience Strategies Among Single Fathers: A Case Study in Selangor***

Tengku Syuhada Elissa Tengku Adam Azli  
<sup>1</sup>Khadijah Alavi

Program Kerja Sosial,  
Pusat Kajian Psikologi Dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: <sup>1</sup>khadijah@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

Pandemik COVID-19 telah memberikan impak dalam keharmonian dan kestabilan rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri. Faktor ekonomi menjadi punca utama kepada berlakunya peningkatan kes perceraian kerana perlu memenuhi keperluan dan perbelanjaan hidup yang semakin mencabar. Manakala perceraian mati disebabkan oleh faktor kesihatan diri yang menurun. Jesteru itu, kajian ini meneroka strategi daya tahan dalam kalangan bapa tunggal akibat perceraian dalam menguruskan kehidupan seharian dan anak-anak. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual berstruktur secara bertulis. Enam orang informan telah dipilih bagi kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan *Snow Ball* (Bola Salji). Lokasi yang dipilih adalah di negeri Selangor. Data temu bual berstruktur dianalisis secara tematik dan hasil kajian mendapati lima isu utama yang dialami oleh informan kajian. Antara isu yang sering dialami oleh golongan bapa tunggal dalam kehidupan seharian adalah pertambahan peranan dalam memenuhi keperluan anak-anak terutamanya bagi anak perempuan, penyesuaian dan kefahaman majikan di tempat kerja, kesukaran perolehi bantuan sokongan dan kewangan, kesunyian di rumah dan sikap negatif masyarakat. Implikasi kajian mencadangkan modul smart kebapaan perlu dibentuk bagi membantu psikososial dalam kalangan bapa tunggal.

***Kata kunci:*** bapa tunggal, strategi, daya tahan, perceraian, temu bual

#### **ABSTRACT**

*The COVID-19 pandemic has had an impact on marital harmony and stability among married couples. Economic factors are the main cause when there is an increase in divorce to meet the needs and expenses of increasingly challenging living. While divorce dies due to declining personal health factors. Therefore, this study explores resilience strategies among single fathers as a result of divorce in managing daily life and children. Structured interviews in writing were used to perform this study, which was a qualitative*

*method. Using the snowball sampling technique, six informants were chosen for this investigation. In the state of Selangor, the chosen place is located. Thematic analysis of structured interview data revealed five major challenges faced by the participants in the study. The increased role in fulfilling the needs of children, especially for daughters; adjustment and understanding of employers at work; difficulties in obtaining support and financial aid; loneliness at home and negative attitudes in society are all issues that single fathers experience on a daily basis. Implications of the study suggest a smart fatherhood module ought to be develop to assist psychosocial among single fathers.*

**Keywords:** *single fathers, strategies, resilience, divorce, interviews*

## 1. Pengenalan

Kes perceraian sering meningkat. Tambahan pula kini berlakunya Pandemik COVID-19 juga menjadi punca kepada peningkatan kes perceraian dalam kalangan bapa tunggal disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktornya adalah seperti faktor ekonomi yang semakin terjejas disebabkan oleh sumber pendapatan keluarga yang semakin menurun dari hari demi hari kerana hilang pekerjaan sehinggakan mendorong kepada masyarakat menjalankan lebih daripada satu jenis pekerjaan bagi menampung perbelanjaan seisi keluarga sama ada untuk keperluan hidup, pendidikan dan kebajikan anak-anak. Pekerjaan tambahan yang dilakukan akan menjejaskan kepada kesihatan fizikal, emosi dan mental kerana keletihan yang berlebihan. Menurut akhbar Utusan Malaysia, seorang bapa tunggal memikul tanggungjawab sebagai seorang bapa dan ibu untuk membesarkan tiga orang anak perempuan dan seorang anak bongsu lelakinya setelah berpisah dengan isteri (Zikri, 2012). Sekali gus menunjukkan bahawa tidak kesemua kaum lelaki melepaskan tanggungjawab untuk memelihara anak-anak walaupun setelah bercerai.

Selain itu, faktor sosial yang menghalang daripada bapa tunggal untuk bersosial dengan orang-orang sekitar kerana masa banyak dihabiskan untuk mencari sumber kewangan juga memberi kesan emosi, mental dan tingkah laku iaitu sememangnya setiap individu berkeperluan untuk bersosial dengan individu lain. Faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang (Zakaria et al. 2012). Selain itu, kes keganasan dalam rumah tangga yang berlaku juga sebagai faktor penarik kepada berlakunya perceraian. Dalam Sinar Harian, menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rina Mohd Harun, berdasarkan kepada Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang Januari hingga Disember 2020 sebanyak 5,260 kes keganasan rumah tangga telah dibuka kertas siasatan dan manakala merujuk kepada statistik Talian Kasih KPWKM, dalam tempoh sama sebanyak 2,540 kes keganasan rumah tangga telah diterima. Seterusnya beliau juga mengatakan bahawa empat bulan pertama untuk tahun 2021 iaitu dari

Januari hingga April, sebanyak kes 902 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka pengalaman fasa perceraian yang dialami oleh golongan bapa tunggal.

## 2. Tinjauan Literatur

Perceraian bukan lagi satu isu asing dalam kalangan masyarakat kini. Antara faktor berlakunya perceraian adalah daripada tekanan dialami yang terdiri daripada faktor dalaman dan juga luaran mendorong untuk pasangan menyelesaikan konflik dialami dengan caramudah iaitu ke arah perpisahan yang dilihat oleh mereka sebagai jalan penyelesaian paling terbaik. Menurut Roslee bin Haji Abbas (1999) perasaan cemburu pasangan yang berlebihan antara berlakunya perceraian iaitu talak dijatuhkan kerana berlakunya pertengkaran dan pergaduhan dalam keluarga, (Abdullah Abu Mat Suaud, 2013) dan penggunaan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) sebagai medium untuk menceritakan konflik rumah tangga (Zulkiple Abd Ghani, 2001) merupakan punca-punca perceraian. Tambahan, faktor perkembangan ekonomi turut menjadi punca tekanan kerana pasangan yang berpendapatan rendah merupakan antara golongan yang terlibat dalam perceraian (Masnah Mohd Zain et al. 2002).

Strategi daya tahan ialah individu yang mampu menghadapi cabaran dan perubahan dalam kehidupan (Taylor, 2013) serta mengetahui pilihan untuk menanganinya dengan baik melalui cara penyelesaian yang sesuai (Lawrence & Anthony, 2009). Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk menghadapi masalah atau tekanan yang dialami iaitu dengan *Emotional Focused Coping* (EFC) dan *Problem Focused Coping* (PFC) yang kecenderungan untuk menggunakannya adalah berdasarkan kepada kematangan seseorang dalam mengatasinya (Sarafino et al. 2012). Oleh itu, bapa tunggal yang mempunyai tahap kematangan rendah dalam mengatasi masalah akan cenderung menggunakan EFC manakala tahap kematangan tinggi cenderung menggunakan PFC. Contohnya, daripada kedua-dua kaedah ini adalah saling berkait dengan trauma dialami bapa tunggal akibat daripada kehilangan orang yang disayangi, dan jika bapa tunggal memfokuskan untuk menyelesaikan masalah akan menggunakan PFC dengan memfokuskan kepada masalah dihadapinya melalui mencari jalan sepatutnya agar dapat berhubung dengan orang lain, sedangkan bapa tunggal yang masih tidak boleh menerima kenyataan dengan situasi dialaminya sama ada akibat perceraian hidup atau mati akan mendorong kepada EFC. Sokongan sosial adalah sangat penting dengan pembuktian yang tepat dalam membantu bapa tunggal menghadapi tekanan ini dengan memberikan bantuan galakan, instrumental ataupun maklumat yang bersesuaian untuk kestabilan emosi (House, J. S. et al. 1998).

Sokongan sosial daripada masyarakat, orang awam, orang terdekat dan keluarga (O'Connell & Mayo, 1988) adalah sangat penting kepada bapa tunggal untuk membantu tekanan emosi dan perasaan bagi menjalani kehidupan sebagai bapa tunggal dalam menguruskan anak-anak termasuklah disebabkan oleh kematian pasangan dan perceraian yang berlaku yang disahkan oleh mahkamah. Selain itu, bapa tunggal yang mempunyai hubungan rendah bersama kawan-kawan akan memberi kesan kepada sistem sokongan mereka yang mengakibatkan tekanan (Lemay et al. 2010). Sokongan sosial dan emosi adalah sangat penting untuk membantu bapa tunggal beradaptasi dengan pengalaman

lepas, kerana menurut Weiner (2012) yang memfokuskan kepada teorinya sendiri berkenaan kisah lalu seseorang boleh mempengaruhi kepada motivasi mereka kini dan masa akan datang. Motivasi akan mempengaruhi kepada tingkah laku seseorang (Bernard Weiner, 1992) iaitu dengan wujudnya perasaan berkeinginan agar dapat memenuhi keperluan yang diperlukan (Mariam Abd Majid & Zanariah Dimon, 2015) dan mendorong kepada timbulnya perasaan kepuasan (Karen Huffman, 1994). Menurut Rochlen et al. (2010) dalam kajian yang dilakukan adalah mendapati apabila kurangnya sokongan sosial, bapa tunggal akan berpotensi tinggi dalam masalah psikologi.

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan hak-hak dan keperluan yang diperlukan oleh bapa tunggal semasa dan selepas mengalami proses perceraian turut diperjuangkan dan tidak di anak tirikan begitu sahaja. Kesannya adalah dalam aspek kesihatan mental kepada bapa tunggal secara khususnya, kerana golongan ini sentiasa memikirkan cara untuk meneruskan bagi menyara kehidupan keluarga dengan sendirinya. Menurut Ifcher dan Zarghamee (2014) menyatakan ibu bapa tunggal juga mengalami tahap kesihatan mental yang rendah, dengan turut berpengalaman untuk mengalami tahap tekanan yang kronik (Cairney et al. 2003) kesunyian (Baranowska-Ratah et al. 2014) dan kemurungan (Jackson et al. 2000). Secara teorinya, pengabaian kepelbagaian hak dan keperluan yang diperlukan membawa kepada strategi daya tindak psikologi yang lemah dalam kalangan bapa tunggal. Makanya pengalaman yang dialami oleh bapa hendaklah diterokai dengan baik.

Merujuk kepada Mastekaasa (1994) mendapati bahawa hubungan status perkahwinan dengan kesejahteraan psikologi amat penting. Kategori tekanan sebagai kerenggangan yang wujud adalah pada fizikal, mental dan emosi individu (Md Shuaib et al. 2003). Satu kajian mendapati kematian seseorang yang rapat dengan individu lain yang menyebabkan kepada berlakunya kesedihan selama setahun boleh mendorong kepada punca kematian sekiranya masalah tersebut tidak ditangani (Yahaya & Zainon, 1991). Antaranya adalah seperti psikosis dan skizofrenia kerana perasaan ini merupakan satu perasaan seperti tidak dihargai, tidak diperlukan, kekurangan hubungan sosial dan berlaku pengunduran psikologi dalaman (Amran Hassan, Noriah Mhamed & Zubaidah Rasol (2013).

Selain itu, sokongan dan dorongan juga merupakan antara aspek terpenting untuk membantu bapa tunggal meneruskan kehidupan sejahtera. Ahli keluarga, saudara mara, kawan-kawan dan komuniti adalah kumpulan-kumpulan yang mempengaruhi kepada kesejahteraan hidup bapa tunggal melalui bantuan yang diberikan seperti sokongan dalam pelbagai bentuk terutamanya sokongan sosial. Kehidupan sebagai bapa tunggal sering kali tidak diterima oleh masyarakat apabila dengan wujudnya keadaan seperti mempersoalkan, mempersendakan, memandang rendah ataupun sokongan rendah yang diberikan dan diterima oleh golongan bapa tunggal adalah lebih kerap berbanding golongan ibu tunggal (Raboteg-Saric Zora & Ninoslava Pecnik, 2010).

Kesan daripada faktor-faktor perceraian adalah seperti tekanan, emosi dan kesihatan akan mempengaruhi kepada kehidupan bapa tunggal. Kajian ini memfokuskan kepada bapa tunggal kerana ibu tunggal kebanyakannya yang mengalami proses perceraian diberikan perhatian lebih daripada pelbagai pihak dengan pembuktian jelas daripada kajian-kajian lepas di Malaysia berbanding golongan bapa tunggal. Jesteru itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut dan menerokai pengalaman kehidupan bapa tunggal semasa perceraian dalam menjalani kehidupan. Selain itu, kajian ini juga

dijalankan untuk mengetahui strategi daya tahan bapa tunggal serta pengenalan kepada program intervensi bagi membantu golongan bapa tunggal di Selangor.

### 3. Metodologi

Reka bentuk kualitatif adalah berpandukan kepada pendekatan fenomenologi. Pendekatan fenomenologi untuk mengkaji dan meneroka berkaitan pengalaman hidup dilalui oleh bapa tunggal bagi dapat memahami sesuatu situasi yang dialami itu (Moleong, 2001). Lokasi yang telah dipilih untuk menjalankan kajian ialah di Negeri Selangor melalui *Google Form* yang disediakan dan dikongsikan kepada individu yang sesuai untuk dijadikan sebagai ciri-ciri informan berasaskan fokus kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kajian bertujuan (*Purposive Persampling*) dan teknik persampelan yang dilakukan ialah teknik bola salji (*Snowball*). Kesemua informan telah ditemu bual secara mendalam tentang pengalaman semasa dalam fasa perceraian di mana tema yang diperolehi ialah ketidakstabilan emosi dan kesukaran menerima hakikat pengalaman perceraian. Pengumpulan data dijalankan secara temu bual melalui *Google Form* terbuka. Kebanyakan bapa tunggal agak malu untuk ditemu bual secara bersemuka. Kajian dijalankan secara bertulis dalam borang *Google Form* yang telah disediakan oleh pengkaji. Data telah dianalisis secara tematik dan hasil temubual bertulis informan membantu pengkaji meneroka isu atau masalah yang dihadapi oleh bapa tunggal dalam pengalaman fasa perceraian.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

Pengalaman fasa perceraian merupakan tema paling utama bagi menjawab kepada objektif kajian yang pertama iaitu meneroka pengalaman fasa perceraian bapa tunggal. Melalui kajian ini, didapati bahawa kesemua informan telah memberikan kerjasama baik untuk menceritakan pengalaman mereka dalam melalui fasa-fasa perceraian.

#### 4.1 Memenuhi Keperluan Anak-Anak Terutamanya Bagi Anak Perempuan

Keketiadaan sokongan keluarga dan orang sekeliling menyebabkan informan lagi sukar untuk menerima hakikat situasi perceraian yang berlaku dengan segera. Apatah lagi apabila informan memberitahu bahawa dirinya mengalami kesukaran untuk menjaga dan menguruskan seorang daripada dua anak perempuannya yang sudah mulai sampai akil baligh.

*“Hmm...keluarga pula memang dah taknak ambil peduli pasal saya sebab apa pun saya tak tahu. Takkan lah sebab saya dah takda duit macam ni kena layan. Semua benda saya belajar sendiri, buat sendiri. Tu... jaga anak-anak perempuan kat rumah ingat senang ke ? Ssusah tau... Kena pula kakak tu dah umur 12 tahun dah nak jadi anak dara, lagi lah macam macam banyak benda saya risau, fikir. Kita ni lelaki, jadi cara fikir ngan emosi berbeza lah. Yang saya tahu perempuan ni complicated sikit sebab nanti perubahan itu ini bagi kesan pada emosi dia. Lepastu kalau emosi tak okay lama lama mulalah tu jadi itu ini*

*benda tak berapa okay. Risau saya dibuatnya.. Jadi nak taknak kenalah mainkan peranan jadi mak jugalah... dibuatnya dia tanya itu ini pasal perempuan, takkan saya nak kaku je kan..”(Informan 1)*

Berdasarkan kepada temu bual bersama Informan 3 menceritakan kepada pengkaji bahawa dirinya susah untuk menjalani kehidupan seperti sedia kala dalam keadaan baik kerana situasi yang berlaku menyebabkan faktor kewangannya terjejas. Di samping keperluannya untuk menguruskan rumah juga telah memberi kesan kepada dirinya. Informan 3 yang turut melakukan dua jenis pekerjaan bagi menampung kos sara hidup diri bersama anak perempuannya dan perlu memikirkan untuk menguruskan hal rumah telah memberikan kesan kepada emosi dan menyebabkan informan mengalami kepenatan berlebihan.

*“Kerja tu kerja macam biasa je lah tapi fikiran melayang entah ke mana. Taktahu fikirapa. Nak rehat pun masih lagi berfikir. Banyak juga susut berat badan ni sebab penat, serabut, semua lah ... Lepastu bila tak dapat nak fokus mulalah kerja pun tak okay lepastu, gaji pun hmm faham faham je lah memang tak dapat full macam orang lain. Hahh.. dah serabut ngan tu, nak tak nak kena fikri juga anak kat rumah tu nak makan apa, duduk kat mana kalau duit tak cukup. Kemudian buatlah Grab Food pula pada waktu petang sampai malam.. memang penat...”  
Lepas tu fikir pula nak kemas rumah. Basuh baju siap itu ini.. Memang saya rasa tak tertanggung buat semua benda ni. Hmm terlalu memenatkan.. tapi fikir anak je jadi saya lawan je lah..” (Informan 3)*

Seterusnya, Informan 5 yang menyatakan bahawa walaupun dia aga sibuk menguruskan urusan kerja, namun begitu tanggungjawab di rumah tidak dilupakan apabila informan turut mengemas rumah setiap hari supaya anak-anak dapat hidup di rumah yang berkeadaan selesa. Selain itu, informan juga ada menyatakan bahawa dirinya ada mengupah orang untuk mengemas di rumahnya pada hujung minggu. Tambahan, informan turut mengambil serius mengenai kesan-kesan emosi dan psikologi yang akan berlaku kepada perempuan terutamanya apabila sampai akil baligh. Hal ini demikian kerana informan yang turut mempunyai dua orang anak perempuan, tidak ketinggalan untuk mempelajari berkaitan dengan hal-hal tersebut.

*Sibuk, sibuk juga. Tapi selagi saya ada di rumah, saya akan kemaslah rumah mana- mana yang patut dulu. Kadang-kadang tu waktu anak-anak tidur, saya tengah kemas kat dapur lah, basuh baju lah..Cumanya pada untuk kemas yang berat-berat macammesin rumput, cuci kolam, saya ada upah orang lain seminggu sekali..” “Lepastu, kan saya ada dua orang anak perempuan, saya kena lah belajar-belajar pasal perempuan ni juga. Kadang-kadang saya tengok video perkongsian, takpun bacalahartikel-artikel ilmiah tu. Hah, lepastu kan ada je program-program online pasal ni, saya join lah juga..” (Informan 5)*

Keperluan untuk menjalankan dua peranan dalam sesebuah keluarga merupakan

satu perkara yang memenatkan kerana masing-masing mempunyai kepentingan yang mempengaruhi kepada semua ahli keluarga tersebut. Oleh itu, anak-anak yang mengalami kesukaran dalam perkembangan dan bermasalah kerana berlaku pengabaian dan kekurangan sokongan dan interaksi terutamanya dengan ibu (Asmawati et. al., 2015).

#### **4.2 Penyesuaian Dan Kefahaman Majikan di Tempat Kerja**

Berdasarkan kepada kenyataan oleh Informan 3 dan Informan 6 yang masing-masing menyatakan perlu berhadapan dengan komitmen tugas dan beban yang terlalu banyak. Perkara ini seolah menunjukkan bahawa majikan tidak mempedulikan akan masalah ataupun situasi yang dialami oleh mereka. Walhal informan sedang cuba menyesuaikan keadaan baharu dan beraptasi dengannya namun, sikap ketidakprihatinan majikan yang tidak memahami situasi yang berlaku menyebabkan memberikan bebanan kepada mereka.

*“...Dia (majikan) takdanya peduli kan kita ni orang bawah. Yang dia (majikan) tahu kerja siap hari tu juga. Berkejar-kejar lah dengan masa ni, banyak surat ngan barangnak hantarkan. Tu tak termasuk lagi pelanggan yang banyak karenah...Aduyai...pening kepala..” Kerja malam malam walau penat kerja masa tapi sekurangngnya bila kita nak rehat kejap bila-bila pun boleh. Tapi itulah tak kejar banyak order, tak banyak lah income...” (Informan 3)*

*“Bila kerja kat bahagian dapur tempat tempat ternama ni memang penat. Banyak order, lepastu jaga kualiti tu kena pastikan tekak customer tu ngam. Kalau tak ngamkena buat balik. Dapat pula customer yang jenis reti nak komplek je...memangkacau mood lah sebab orang atas mesti akan marah marah kita. Nak baut kerja dah tak semangat dah haritu. Tambah pula sekarang tak cukup pekerja bahagian kitchen, memang semua benda lah kita yang kena handle. Majikan cuma nak tahu kerja kita ni siap and berkualiti. Tu je lah...” (Informan 6)*

#### **4.3 Kesukaran Perolehi Bantuan Sokongan dan Kewangan**

Hasil daripada temu bual dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan informan tidak perolehi sokongan daripada sesiapa pun. Informan 4 menyatakan bahawa dia amat terkilau dan sedih dengan sikap keluarganya langsung tidak mempedulikan keadaannya apabila tiada sebarang pertanyaan khabar kepada dirinya setelah perceraian bersama bekas isteri. Keluarga yang percaya bahawa yang diperlakukan tidak baik itu adalah bekas isteri dan bukannya informan walaupun hakikat sebenar adalah sebaliknya. Menurut informan, *“Tak tahulah diaorang tu buang saya ke apa ke saya pun taktahu. Sekali pun takda tanya khabar anak... Saya apatah lagi. Semua nak salahkan saya. Saya rasa tertekan sangat bila dengan keadaan sekarang. Yang kena pukul itu ini tu saya, bukannya dia (bekas isteri). Taoi diaorang buat macam saya pukul dia (bekas isteri). Biarlah diaorang, malas dah saya nak ambil kisah,”* sambil menahan sebak. (Informan 4)

Di samping itu, Informan 5 pula bukan sahaja tidak dapat sokongan daripada kawan-kawan malah dipandang remeh oleh mereka. Hal ini demikian apabila kawan-kawan mulai mengatakan bahawa informan sudah bercerai jadi boleh untuk berkahwin dengan perempuan yang lebih mudah dan cantik. Informan yang setiap kali berjumpa dengan kawan-kawan untuk urusan kerja sahaja, menjadi satu kepastian cerita berkenaan perceraian informan untuk menjadi antara topik diperkatakan antara mereka. Sikap tidak bertanggungjawab kawan-kawan menyebabkan informan berasa sangat kecewa.

*“Dahlah family tak support, tak tanya khabar. Kemudian, tambah pula dengan kawan-kawan jenis tak ada common sense selalu perlekehkan keadaan kita memang stres sangat...Lepastu tak habis habis nak kenankan saya dengan orang lain. Kita ni dah lah berduka cita, sedih sangat...”*

*“Tapi apa boleh buat, kena terima je lah kan sebab siapalah kita nak lawan takdir kan...Tapi stres lah bila pergi mana-mana pun mesti ada je gosip pasal saya...”*(Informan 5)

Informan 1 turut tidak mendapat sokongan daripada keluarga sama ada sedara mara ataupun adik beradik dan kawan-kawan. Informan yang sangat tertekan dengan perkara ini terpaksa memaksa diri untuk terus cekat dan semangat demi anak-anak. Bidang pekerjaan yang informan sedang usahakan adalah hasil daripada titik peluhnya sepeuhnyanya termasuklah dari aspek kewangan iaitu berurusan dan membuat pinjaman daripada bank seorang diri tanpa bantuan sesiapa pun bagi mengusahakan kawasan penternakan itik.

*“Walaupun takda orang yang bantu saya, saya paksa diri je untuk usahakan itu ini memang untuk anak-anak je semata...Nak berjaya kena ada ilmu dan duit. Bila dua-dua saya kurang ada, jadi saya usahakan, pergi belajar pasal penternakan, mohon pinjaman daripada bank...”...siapa kata tak penat? Uishh...penat sangat. Tapi nak buat macam mana. Nak hidup kena ada duit. Nak ada duit kena usaha.”*  
(Informan 1)

Menurut Lauren Steele (2017), bapa menjalankan tanggungjawab yang besar dengan menyediakan keperluan kepada anak-anak serta sokongan berbentuk emosi, dan sumber pendapatan yang mana juga untuk menjadi seorang bapa yang baik. Penyediaan kepelbagaian keperluan anak-anak mendorong kepada bapa tunggal mengalami kepenatan yang keterlaluan. Oleh hal yang demikianlah bapa tunggal memerlukan kumpulan sokongan untuk membantu mereka dalam perkara ini. Menurut Dr. Bella De Paulo dalam artikel yang sama, beliau menyokong bahawanya walaupun kumpulan sokongan tersebut merupakan antara jalan terbaik untuk membantu golongan bapa tunggal dalam kehidupan, tetapi golongan ini berhak untuk menentukan cara dan jalan terbaik untuk anak-anak dan diri mereka sendiri.



#### 4.4 *Kesunyian di Rumah*

Selain itu, Informan 3 yang berasa sangat sedih dan kecewa dengan tindakan bekas isterinya yang menuntut penceraian sedangkan dirinya yakin bahawa perkahwinan mereka masih boleh diselamatkan lagi walaupun telah berlakunya sedikit konflik akibat daripada perselisihan faham yang terjadi antara mereka berdua. Baginya kehidupan keluarga kecil itu adalah antara memori terindah dalam hidupnya, namun begitu tidak sangka perkahwinan tersebut berakhir dalam tempoh yang amat singkat. Informan juga tidak menafikan malah mengiyakan bahawa dirinya berasa sunyi apabila berada di rumah terutama apabila mengalami hari-hari yang kurang baik semasa bekerja.

*“Saya ni hilang terus semangat, kaki ni lembik lutut lah orang kata. Tapi saya tak nak panjang cerita saya akur turun naik pejabat agama sampailah ke mahkamah untuk cerai ni. Yang pasti bukan saya yang nak cerai tapi dia. Tapi daripada serabut sangat sangat dengan orang dah buang kita baik saya fokus kat anak je lah.” Tapi itulah, mulut ni kata terima tapi sebenarnya susah nak cakap. Rasa sunyi, macam ada tak lengkap je kat rumah. Saya selalu rindukan bekas isteri terutamanya bila kat tempat kerja tak okay. Saya rindukan dia, saya rasa sunyi.. Saya hanya mampu tengok gambar-gambar lama, tenung anak ngan tahan je lah. Esok esok ni saya tahu akan okay nanti.”(Informan 3)*

Seterusnya, hasil daripada temu bual antara Pengkaji bersama Informan 5 dan Informan 6 didapati bahawa menceritakan pengalaman fasa perceraian dialami oleh mereka dengan perasaan sedih dan terkejut akan kejadian yang berlaku. Di samping mengalami kesunyian apabila ketiadaan pasangan hidup untuk menjalani kehidupan dengan baik.

*“Ni bila dah cerai ni selalu sangat sangat rasa kosong. Rasa sunyi macam tu. Ini tak kena, itu tak kena. Sampaikan ada anak saya tegur saya, “Kenapa papa selalu termenung sekarang eh?” Hmm.. entahlah saya pun tak tahu nak cakap macam mana, apa yang saya fikirkan, sebab saya pun tak sedar bila saya termenung.” (Informan 5)*

*“ Saya terngiang-ngiang semua yang dia cakap bila dia minta cerai. Sampaikan saya masih ingat lahi situasi rumah masa tu. Bila teringat, saya rasa sedih sangat sangat. Hmm..saya ni kan kerja memang penatlah. Sampaikan ada yang sampai seharian saya kena bekerja. Kalau dulu penat penat, bila balik rumah ada orang yang sambut kat rumah. Sekarang dah takda dah.. Saya rindu suasana tu.. Sekarang rumah senyap je setiap masa.. Sunyi je rasa tiap-tiap hari, paling rasa tu bila anak-anak stay ngan parents. Kosong, sunyi, hmm ..”(Informan 6)*

Penceraian juga boleh mendorong kepada berlakunya kes bunuh diri yang mana merujuk kepada satu kajian yang dijalankan pada tahun 2004 mengesahkan bahawa pasangan yang mengalami penceraian mempunyai kadar peratusan bunuh diri lebih tinggi dibandingkan dengan pasangan yang masih dalam status perkahwinan, malah golongan lelaki bercerai adalah 8 kali lebih

banyak daripada golongan wanita bercerai. Kes sedemikian berlaku berpunca oleh faktor dalaman dan luaran seperti kesunyian dan sokongan serta komitmen melampau. Situasi yang dialami oleh golongan bapa tunggal yang berpunca daripada penceraian sehinggakan mereka berasa tertekan melampau dan mengambil keputusan mudah untuk menamatkan tekanan yang dialami dengan mengambil tindakan untuk membunuh diri.

#### 4.5 *Sikap Negatif Masyarakat*

Selain itu, Informan 3 dan Informan 6 yang masing-masing berhadapan dengan komitmen tugas dan beban kerja yang terlalu banyak. Perkara ini seolah menunjukkan bahawa majikan tidak mempedulikan akan masalah ataupun situasi yang dialami oleh mereka.

Seterusnya adalah Informan 4 pula tidak menafikan situasi yang dialaminya apabila jiran bukan sahaja tidak mempedulikan keadaan dirinya malah mereka dan menyebarkan pelbagai cerita negatif kerana merasakan informan seorang suami yang tidak bertanggungjawab kerana bercerai dengan alasan didera oleh isteri. Informan berkata, *"...Mereka semua tu rasa saya reka-rekakan cerita bila saya kena pukul dengan isteri di rumah apabila ada perkara-perkara tak kena dengan hati isteri. Bagi mereka semua lelaki takkan pernah diperlakukan macam tu sebab kita berkuasa. Sebab kita lelaki. Tapi sebenarnya tak pun... Ramai je lelaki atau suami yang kena abuse dengan pasangan tapi sebab malu dan takut dengan persepsi masyarakat terutama jiran tetanggalah diaorang terus senyap dan bertahan je dalam relay tu. Hmm.. takpelah mulut orang kita boleh tutupkan. Biarlah..."*

Manakala Informan 5 menyatakan dia terlalu penat dengan persepsi negatif masyarakat terhadap dirinya apabila berstatus bapa tunggal. Informan menyatakan hampir kesemua orang yang ketahui kisah perceraian dengan bekas isteri mepercayai bahawa saya bersikap curang. Oleh itu, informan lebih memilih untuk menyibukkan diri dengan bekerja dan meluangkan masa bersama anak-anak sahaja dan tidak bergaul dengan masyarakat luar yang sering ada saja pelbagai perkara ingin digosipkan.

*" Saya ni kan sebenarnya penat sangat dengan semua orang. Itu tak kena, ini tak kena. Sedangkan saya tak kacau pun hidup siapa-siapa. Saya ni pergilah mana-mana ada saja yang desas-desus kata saya curang dengan bekas isteri sebab tu dia minta cerai."*


*"...Saya dah fed-up dengan semua orang. Jadi, perkara yang boleh senangkan hati saya hanyalah anak-anak sahaja. Sebab itulah saya lebih pilih kalau takda apa-apa urusan kerja, saya balik rumah dah stay ngan anak-anak je lah. Saya dah malas nak keluar mana-mana dah.. penat sangat."* (Informan 5)

Terdapat kepelbagaian rintangan dan hakangan yang perlu dilalui oleh bapa tunggal erti tanggapan masyarakat kepada bapa tunggal bahawa mereka

akan lari daripada tanggungjawab sebagai bapa kepada anak-anak setelah berpisah hanya dengan alasan bahawa mereka adalah lelaki (Threlfal et al., 2013). Hal ini telah menyebabkan menjadi punca kepadatekanan bapa tunggal kerana ketidakpercayaan masyarakat akan kredibiliti mereka dalam menjaga dan menguruskan anak-anak seperti mana yang dilakukan golongan ibu tunggal.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa beberapa isu penting yang wujud dalam pengalaman fasa perceraian dalam kalangan bapa tunggal. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kemiskinan pengetahuan dan pendedahan berkaitan hal ini menyebabkan berlakunya kekurangan dalam sistem sokongan untuk golongan bapa tunggal. Oleh hal demikian, telah memberikan kesan kepada golongan bapa tunggal untuk meneruskan menjalani kehidupan dengan baik dan perkara itu bukanlah perkara yang mudah.

Rajah 1: Rumusan isu utama pengalaman fasa perceraian dalam kalangan bapa tunggal



Bapa tunggal berjuang untuk mengimbangkan tanggungjawab kerja dan keluarga menyebabkan menanggung beban yang banyak dan sangat menjejaskan kesihatan mental dan fizikal mereka. Oleh hal demikian, menurut Bray, H. J. & Anderson, H. (1984) intervensi terapeutik sangat memberikan kesan dalam membantu bapa tunggal yang mengalami tekanan dan krisis dalam kehidupan seperti mengalami masalah pengasingan, isu kehilangan dan kesedihan.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Hasil kajian ini dapat dirumuskan kepada isu utama yang dialami oleh informan adalah berkaitan pertambahan peranan untuk memenuhi keperluan anak-anak

yang pelbagai terutamanya bagi anak perempuan. Hal ini demikian kerana, informan tunggal yang bukan sahaja melakukan peranan untuk menguruskan hal-hal di rumah termasuklah mengemas dan merancang sesuatu perkara, malah perlu bekerja untuk memastikan keperluan anak-anak dapat dipenuhi dengan baik iaitu sehinggakan perlu melakukan pekerjaan tambahan. Maka, pertambahan pekerjaan dan peranan ini akan memberikan kesan kepada kesejahteraan psikologi dan psikososial bapa tunggal jika tidak dirawat secepat. Selain itu, penyesuaian dan kefahaman majikan di tempat kerja terhadap situasi yang dialami oleh golongan bapa tunggal.

Pertambahan dan kerja yang berlebihan diberikan oleh majikan kepada bapa tunggal kerana kemungkinan beranggapan mereka sudah hidup berseorangan, jadi boleh diberikan tugas yang banyak untuk kerja lebih masa. Namun begitu, pemikiran sedemikian adalah salah sama sekali kerana bapa tunggal perlu memaksa diri untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang sukar dan menyedihkan ini dengan hati tidak rela. Seterusnya, bapa tunggal mengalami kesukaran untuk memperolehi bantuan sokongan dan kewangan kerana banyak pihak kekurangan kesedaran akan perkara ini. Di samping itu, bapa tunggal mengalami kesunyian di rumah. Keperluan sokongan emosi dan sokongan sosial daripada seseorang yang rapat adalah perkara yang utama untuk mendorong seseorang yang lain kepada menaikkan semangat dalam melakukan sesuatu perkara. Oleh itu, bapa tunggal yang tidak mempunyai pasangan hidup akan merasakan seperti kekurangan sumber sokongan utama untuk mereka menjalani kehidupan. Akhirnya adalah sikap negatif masyarakat yang masih jahil dalam isu ini sekali gus menyebabkan ramai berfikir kolot terhadap golongan bapa tunggal. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mencadangkan program modul smart kebapaan perlu dibentuk sebagai antara langkah untuk membantu bapa tunggal melalui intervensi yang dilakukan bukanlah memfokuskan kepada bapa tunggal sepenuhnya tetapi juga boleh memberikan kesan dan manfaat kepada anak-anak yang dipelihara dalam sesebuah keluarga. Di samping itu, pengkaji turut mencadangkan agar golongan tunggal lebih terbuka diri untuk meminta pertolongan kepada masyarakat itu bukanlah perkara yang salah ataupun menjatuhkan martabat sebagai lelaki. Bapa tunggal juga disarankan agar lebih banyak menyertai program akademik dan mempelajari kepelbagaian ilmu kemahiran dalam menguruskan keluarga.

Ahli keluarga atau kenalan kepada bapa tunggal perlu mempunyai kewarasan dan kesedaran untuk memberikan sokongan yang mendalam kepada mereka. Ahli akademik hendaklah meningkatkan penyelidikan berkaitan bapa tunggal dalam negara secara khususnya berkaitan hal-hal yang wajar kepada mereka kerana memandangkan isu mereka bukan sahaja amat kurang dibahaskan malah tiada data khusus yang boleh diperolehi. Kerajaan merupakan pihak yang sepatutnya memainkan peranan sangat penting dalam membantu golongan bapa tunggal berhadapan dengan dugaan kewangan. Oleh itu, kerajaan dicadangkan agar melaksanakan anjakan paradigma seperti pendidikan awal berkaitan bapa tunggal di peringkat komuniti setempat dan seterusnya lebih meluas lagi iaitu sama ada dalam bidang akademik mahupun kepelbagaian program yang memberikan kesedaran kepada rakyat. Media massa selaku antara platform paling utama dan mudah untuk menyalurkan sebarang maklumat kepada seluruh penduduk perlulah memainkan peranan dengan menyeru kepada masyarakat untuk memberikan peluang dan ruang serta menghormati hak-hak bapa tunggal

bagi mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Kesimpulannya, bagi memberikan perubahan yang baharu lebih baik kepada golongan bapa tunggal adalah perlu melibatkan semua pihak kerana masing-masing memainkan peranan yang sangat penting untuk mengenal pasti kepelbagaian isu dan permasalahan yang dialami mereka bagi dapat memenuhi keperluan mereka dengan menyediakan bantuan dan sokongan dalam pelbagai bentuk.

### **Penghargaan**

Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua informan yang telah menjayakan kajian ini.

### **Rujukan**

- Roslee Haji Abbas. (1999). Faktor-faktor Penyebab Perceraian Keluarga. *Jurnal Kebajikan: Edisi Ke-21*.
- Abdullah Abu Mat Suaud. (2013). Hakmu Muslimah: Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaanya Di Mahkamah Syariah. Awal Hijrah Enterprise.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2001). Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Masnah Mohd Zain et al. (2002). Kesan Pendapatan ke Atas Kadar Perceraian di Kalangan Masyarakat Melayu di Kelantan. Kelantan: UiTM
- Taylor J. L., (2013). The Power of Resilience: A Theoretical Model to Empower, Encourage and Retain Teachers. The Qualitative Report 2013 Volume 18, Article 70, 1-25. University of St. Thomas, Houston, Texas, USA
- House, J. S. Umberson, D. & Landis, K. R. (1998). Structures and Processes of Social Support. *Annual Review of Sociology*.14:293-318 [<https://doi.org/10.1146/annurev.so.14.080188.001453>]
- Lemay, C. A., et al. (2010). *A Qualitative Study of The Meaning of Fatherhood Among Young Urban Fathers*. Public Health Nursing 27(3): 221- 231.
- Bernard Weiner (1992), Human Motivation: Metaphors, Theories And Research, U.S.A.: Sage Publications, Inc.
- Mariam Abd Majid & Zanariah Dimon (2015). Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkahlaku manusia. Projek Mualaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Kehidupan Islam.
- Karen Huffman (1994), Psychology In Action, c. 3, U.S.A.: John Wiley & Sons, Inc. Rochlen, B. A., McKelly, A. R. & Whittaker, A. T. (2010). Stay at Home Fathers' Reasons for Entering the Role and Stigma Experiences: A Preliminary Report. *Psychology of Men & Masculinity* 11(4): 279-285.
- Ifcher, J. & Zarghamee, H. (2014). The happiness of single mothers: Evidence from the general social survey. *Journal of Happiness Studies*, 1(5), 1219–1238.
- Cairney, J., et al. (2003). Stress, social support and depression in single and married mothers. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*. (38): 442-449
- Baranowska-Rataj A, Matysiak A, & Mynarska M. (2014). Does lone motherhood decrease women's happiness? *Journal of Happiness Studies*. 15(6): 1457–1477

- Jackson, A. P., et al. (2000). Single mothers in Low-Wage jobs: Financial strain, parenting, and preschoolers' outcomes. *Child Development*. 7(5): 1409–1423
- Mastekaasa, A. (1994). Marital status, distress and well-being. *Journal of Comparative Family Studies*, 184-197.
- Md. Shuaib Che Din, et al. (2003) Koleksi kertas kerja psikologi masyarakat Malaysia semasa IV. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Yahaya Mahamood & Zainon Jalani. (1991). Orang tua melayu (IV): Persepsi mereka terhadap kematian. *Majalah Psikologi*, 60-79
- Amran Hassan, Noriah Mohamed & Zubaidah Rasol. (2013). Perasaan *Loneliness@Kesunyian* dan Strategi Daya Tindak Dalam Kalangan Warga Emas Yang Menghuni Di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor. *Journal of Human Development and Communication* 2: 89-103.
- Raboteg-Saric Zora & Ninoslava Pecnik. (2010). Attitudes Toward Single Parenthood. *Revija Za Socijalnu Politiku* 17 (1): 5 – 25
- Moleong, L.J. (1989). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Lauren Steele. (2017) Fatherly: Single Dad Support Groups: Whata You Need To Know. [https://www.fatherly.com/love-money/single-dad-support-groups-what-you-need-to-know]
- Threlfall, J. M., (2013). The parenting role of AfricanAmerican fathers in the contextof urban poverty. *Journal of Children and Poverty*, 19(1), 45-61.
- Bray, H. J. & Anderson, H. (1984). Strategic interventions with single-parent families. *Psychotherapy Theory Research Practice Training*. 21(1): 101-109. [http://dx.doi.org/10.1037/h0087519]